



PEJABAT PERDANA MENTERI
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

KARNIVAL KAMPUNG ANGKAT MADANI AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

SEPANG, 7 Februari 2026 – Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM), Pejabat Perdana Menteri telah menganjurkan Karnival Kampung Angkat MADANI, Akademi Kenegaraan Malaysia bertempat di Padang Awam Kampung Labu Lanjut, Sepang, Selangor.

Majlis berkenaan telah **disempurnakan oleh YABhg. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail** dan melibatkan penyertaan penduduk Kampung Labu Lanjut serta komuniti di kawasan sekitarnya.

Pada tahun 2025, 19 projek merangkumi baik pulih dan bina baharu fasiliti awam, pembangunan belia dan pemerksaan ekonomi komuniti berjaya dilaksanakan oleh AKM melalui peruntukkan RM1 juta yang diperuntukkan oleh Kementerian Kewangan.

Penganjuran program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Kampung Angkat MADANI yang bertujuan memperkukuh kesejahteraan komuniti setempat melalui penglibatan langsung agensi kerajaan bersama rakyat, selaras dengan aspirasi **Malaysia MADANI**.

Menurut AKM, program ini dirangka bagi merapatkan hubungan antara kerajaan dan masyarakat, di samping menyemai nilai kenegaraan, semangat perpaduan serta meningkatkan kesedaran awam melalui pendekatan santai dan inklusif.

Pelbagai aktiviti menarik disediakan sepanjang karnival berlangsung antaranya senamrobik, rewang dan jamuan kenduri rakyat, liga penalti, bicara kenegaraan, pertandingan pakaian beragam kanak-kanak, sukan rakyat, aktiviti Soopa Doopa serta *walkabout* rumah kaum ibu.

Program turut diserikan dengan **Majlis Penyerahan Projek Siap Kampung Angkat MADANI** sebagai simbol komitmen berterusan kerajaan dalam memastikan pembangunan komuniti dilaksanakan secara menyeluruh dan berimpak tinggi.

AKM berharap penganjuran program ini dapat menjadi platform berkesan dalam memperkukuh kerjasama strategik antara kerajaan dan masyarakat setempat, di samping memperkasakan nilai kemanusiaan, kesejahteraan dan keharmonian sejajar dengan prinsip Malaysia MADANI.

Turut sama hadir, YBhg. Dato' Shahrol Anuwar bin Sarman, Ketua Setiausaha Sulit YAB Perdana Menteri, YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Ahli Parlimen Sepang, YB Tuan Lwi Kian Keong, Ahli Dewan Undangan Negeri (Sungai Pelek), Tengku Dato' Dr. Jamaluddin bin Tengku Mahmud Shah Al Haj, Y.D.M Tengku Orang Kaya Maha Bijaya dan ketua-ketua jabatan serta agensi yang lain.

AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

PEJABAT PERDANA MENTERI

7 FEBRUARI 2026
